

17 JAN 2002

Komputer (Bergambar)

MAKMAL KOMPUTER KUBANG PASU DIPERLENGKAPKAN DENGAN KEMUDAHAN ICT BARU

Oleh: Nazri Hassan

ALOR SETAR, 17 Jan (Bernama) -- Pusat Pendidikan Komuniti Parlimen Kubang Pasu maju setapak lagi apabila diperleengkapkan dengan kemudahan baru Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) - sebuah satelit bumi, portal pendidikan dan bengkel pemasangan komputer.

Pusat yang terletak di pekan Jitra dekat sini, mahu menjadi pusat siber utama penduduk daerah Kubang Pasu dan kemudahan terbaru itu disumbangkan syarikat swasta dan mendapat kerjasama sebuah universiti tempatan.

Ketiga-tiga kemudahan terbaru di pusat itu akan dilancarkan oleh penasihat utama pusat berkenaan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali esok.

Ia sebelum ini dibuka dengan rasminya oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku penaung pusat itu pada 10 Nov 2000.

Pengerusi pusat itu Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Mohd Basri berkata satelit bumi yang disediakan, disumbangkan oleh syarikat Smart Multimedia Technology Sdn Bhd (Smart) bagi membolehkan perkhidmatan Internet berjalur lebar diperkenalkan.

"Satelit ini memberi kemudahan berkomunikasi melalui data, suara dan video secara pantas dan murah tanpa mengira lokasi geografi," katanya.

Dengan adanya kemudahan sokongan itu, Smart akan dapat menawarkan perkhidmatan Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) secara interaktif.

Portal School-To.You yang akan diuruskan di pusat itu, adalah sebuah gerbang pendidikan yang menawarkan perkhidmatan pengajian untuk pelajar sekolah rendah dan menengah.

"Pelbagai program yang terdapat di dalam gerbang ini bertujuan membantu pelajar-pelajar mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan mereka," katanya.

Ia mengandungi modul bantuan kerja rumah, ulangkaji pelajaran mengikut sukatan pelajaran dan contoh kertas peperiksaan.

Dr Ahmad Fawzi berkata pusat inkubator di situ pula akan menjalankan aktiviti latihan pemasangan dan membaik pulih komputer untuk pelajar sekolah, lepasan sekolah dan para belia yang masih menganggur.

Katanya kegiatan pusat inkubator itu, dengan usahasama Universiti Utara Malaysia (UUM), akan dirangkaikan dengan pusat komuniti lain di seluruh negara dalam usaha untuk mewujudkan rangkaian tekno inkubator negara.

"Ia bakal menggalakkan pertumbuhan teknologi maklumat di Wilayah Utara di samping membantu kerajaan negeri Kedah melahirkan lebih ramai usahawan IT," katanya.

Beliau berkata apa yang diutamakan pusat itu ialah masyarakat setempat akan didedahkan kepada program celik IT dan diberi peluang menguasai IT di di situ.

-- BERNAMA

MNH RON